



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN KEWANGAN
KOD KURSUS : DSM2163
PEPERIKSAAN : JUN 2024
TEMPOH : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (80 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan untuk membawa sebarang bahan/nota ke bilik peperiksaan tanpa arahan/kebenaran daripada pengawas.
3. Pastikan kertas soalan peperiksaan ini mengandungi:
 - i. Kertas soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan
 - iv. 4-muka Apendiks

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
*Kertas soalan ini mengandungi **10** muka surat termasuk kulit hadapan*

BAHAGIAN A

Bahagian ini mempunyai **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Manakah antara berikut merupakan pemegang taruh sesebuah syarikat?
 - I. Pekerja.
 - II. Pembekal.
 - III. Pemiutang.
 - IV. Pemegang saham syarikat.
 - A. I, II, III
 - B. I, II, IV
 - C. II, III, IV
 - D. Semua di atas

2. Mengapakah objektif "memaksimumkan kekayaan pemegang saham" adalah lebih unggul berbanding objektif "memaksimumkan keuntungan syarikat"?
 - I. Bersifat jangka panjang.
 - II. Mengambil kira faktor risiko.
 - III. Mengarah kepada kelangsungan syarikat.
 - IV. Keuntungan tahunan syarikat dijamin meningkat.
 - A I, II, III
 - B I, II, IV
 - C II, III, IV
 - D Tiada jawapan di atas

3. Strategi modal kerja manakah yang melibatkan risiko yang paling rendah?
 - A Agresif.
 - B Sederhana.
 - C Konservatif.
 - D Tiada jawapan di atas.

Tunai	: RM12,500
Inventori	: RM57,900
Akruan	: RM5,500
Akaun belum bayar	: RM27,900
Akaun belum terima	: RM23,000

Jadual 1

4. Berdasarkan jadual 1, berapakah modal kerja bersih?
- A RM33,400
 - B RM60,000
 - C RM93,000
 - D RM126,800
5. Bil perbendaharaan dan kertas komersial merupakan contoh _____
- A jenis inventori.
 - B sekuriti mudah pasar.
 - C aset semasa syarikat.
 - D tiada jawapan di atas.
6. Mengapakah sesebuah syarikat melabur dalam sekuriti mudah pasar?
- A Melindungi kesan inflasi.
 - B Sebagai pengganti tunai.
 - C Meningkatkan imej syarikat.
 - D Memperoleh pendapatan berbentuk sewa.

7. Angsara Bhd. menghasil dan membekal makanan ringan di sekitar kawasan Johor Bahru. Syarikat kebiasaannya memerlukan sebanyak 60,000 bungkus setahun bahan mentah untuk menghasilkan sejumlah bekalan yang diperlukan. Jika harga sebungkus bahan mentah adalah RM25.00 dan kos menyimpan dianggar sebanyak RM2.50 manakala kos pesanan adalah RM12.00 setiap kali pesanan dibuat, kirakan kuantiti pesanan ekonomi (*EOQ*)
- A 150 unit.
 - B 375 unit.
 - C 520 unit.
 - D 759 unit
8. Manakah antara berikut merupakan faktor yang perlu diambil kira oleh sesebuah syarikat ketika menawarkan kemudahan kredit kepada pelanggannya?
- I. Karakter
 - II. Persaingan
 - III. Kemampuan
 - IV. Keadaan ekonomi
- A. I, II, III
 - B. I, II, IV
 - C. II, III, IV
 - D. Semua jawapan di atas
9. Manakah antara berikut merupakan tindakan yang boleh diambil oleh syarikat yang bercadang untuk memendekkan kitaran penukaran tunai?
- A Memendekkan hayat purata inventori.
 - B Memendekkan tempoh kutipan hutang.
 - C Memanjangkan tempoh purata pembayaran.
 - D Semua jawapan di atas.

10.

Item	
Stok keselamatan	2,000 unit
Tempoh pesanan	14 hari selepas pesanan di buat
Jualan tahunan	80,000 unit
Kos pesanan	RM70 / pesanan
Kos menyimpan	15% dari harga seunit
Harga seunit stok	RM15
Andaian	360 hari setahun

Jadual 2

Berdasarkan jadual 2, berapakah titik pesanan semula?

- A 1,200 unit.
- B 3,730 unit.
- C 4,320 unit.
- D 5,111 unit.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mempunyai **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan pada Buku Jawapan.

SOALAN 1

Optimis Berhad sedang membuat anggaran keperluan dana untuk suku ketiga tahun 2022.

- a. Jadual A menunjukkan anggaran jualan syarikat.

BULAN	RM	BULAN	RM
April	120,000	Ogos	130,000
Mei	120,000	September	120,000
Jun	110,000	Oktober	110,000
Julai	110,000		

Jadual A

- b. Kutipan jualan adalah seperti berikut:

- 50% jualan adalah secara tunai.
- 30% jualan akan dikutip sebulan selepas transaksi berlaku.
- 20% jualan akan dikutip dua bulan selepas transaksi berlaku

- c. Jadual B menunjukkan anggaran belian syarikat:

BULAN	RM	BULAN	RM
April	96,000	Ogos	104,000
Mei	96,000	September	96,000
Jun	88,000	Oktober	88,000
Julai	88,000		

Jadual B

- d. Semua transaksi belian dilakukan secara tunai.
- e. RM10,000 dividen dijangka diterima pada bulan Ogos.

- f. Sewa dan susut nilai bulanan masing-masing dianggarkan berjumlah RM5,000 dan RM1,000,
- g. Gaji dan belanja pentadbiran bulanan masing-masing dianggarkan berjumlah RM12,000 dan RM4,000.
- h. Bunga atas pinjaman jangka panjang berjumlah RM750 sebulan.
- i. Sewa bangunan yang dimiliki oleh syarikat dianggarkan berjumlah RM3,000 dan akan hanya diterima pada setiap akhir suku.
- j. Baki tunai pada akhir bulan Jun berjumlah RM10,000. Syarikat juga membuat ketetapan baki minimum tunai dipegang, berjumlah RM30,000 sebulan.

(20 markah)

SOALAN 2

- a) (i) Anda adalah pengurus kewangan Electric Station Bhd. Syarikat bercadang ingin membuat unjuran keperluan dana jika jualan meningkat pada tahun 2024. Anda dikehendaki menyediakan kunci kira-kira (penyata kedudukan kewangan) proforma untuk menentukan dana tambahan yang diperlukan untuk menampung peningkatan dalam jualan pada tahun 2024.

ELECTRIC STATION BERHAD
KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2023

	RM		RM
Tunai	100,000	Akaun belum bayar	220,000
Sekuriti mudah pasar	150,000	Belanja terakru	230,000
Akaun belum terima	130,000	Nota belum bayar	65,000
Inventori	190,000	Pinjaman jangka panjang	135,000
		Saham biasa	170,000
Aset Bukan semasa (bersih)	300,000	Perolehan tertahan	50,000
JUMLAH ASET	<u>870,000</u>	JUMLAH LIABILITI & EKUITI	<u>870,000</u>

Lain-lain maklumat berkaitan adalah seperti berikut:

1. Jualan semasa berjumlah RM1,200,000 dan dijangka meningkat kepada RM1,500,000 pada tahun 2024.
2. Syarikat beroperasi pada kapasiti penuh.
3. Margin untung bersih syarikat adalah 20% manakala nisbah pembayaran dividen adalah 70%.

(10 markah)

- (ii) Jika syarikat bercadang untuk memperoleh dana tambahan melalui kemudahan nota belum bayar, bagaimanakah catatan dibuat dalam kunci kira-kira (penyata kedudukan kewangan) pro-forma syarikat?

(2 markah)

- b) Anda telah memenangi peraduan Simpan dan Menang anjuran Bank Maju Bhd. Anda layak untuk menerima hadiah dengan **dua (2)** pilihan cara pembayaran yang berikut:

- i) **Pilihan 1;**
Menerima RM150 pada tahun 1, RM100 pada tahun 2 dan RM70 pada tahun 3.
- ii) **Pilihan 2;**
Menerima RM120 hari ini dan RM200 pada tahun 2.
- iii) Pilihan manakah yang menarik jika kadar bunga di pasaran adalah 6%? Mengapa?

(8 markah)

SOALAN 3

a. Brutal Bhd. mengenal pasti keperluan pembiayaan jangka panjang sebanyak RM35,000,000. Syarikat sedang menilai beberapa pilihan untuk memperoleh dana yang diperlukan termasuklah:

i) Menerbitkan bon yang mempunyai kadar kupon sebanyak 8% dan matang dalam tempoh lapan tahun. Bon dijual pada harga RM960 dan dijangka melibatkan kos apungan sebanyak 7.5% dari harga yang ditawarkan. Kadar semasa cukai syarikat adalah 30%. Berapakah kos modal melalui terbitan bon?

(5.5 markah)

ii) Menerbitkan saham keutamaan pada harga RM24 sesaham. Kadar dividen ditawarkan adalah 4% setahun manakala kos apungan dijangka 5% dari harga saham dijual. Berapakah kos modal melalui terbitan saham keutamaan?

(4 markah)

iii) Menerbitkan saham biasa pada harga RM15 sesaham dengan kos apungan 20% dari harga tawaran. Dividen dijangka meningkat pada kadar 6% dan syarikat baharu sahaja membayar RM0.50 dividen untuk setiap saham yang dipegang oleh pelabur. Berapakah kos modal melalui terbitan saham biasa?

(4.5 markah)

iv) Berdasarkan jawapan yang diperolehi, manakah pilihan pembiayaan jangka panjang yang dipilih oleh syarikat? Mengapa?

(2 markah)

b. Terangkan **dua(2)** ciri saham biasa.

(4 markah)

SOALAN 4

Pihak pengurusan Tauchan Berhad sedang mempertimbangkan pembelian mesin baru untuk menggantikan mesin sedia ada yang telah usang. Syarikat boleh memilih antara dua mesin, Astana dan Guava, yang saling menyingkir. Kos modal syarikat adalah 12% dan aliran tunai bakal dijana oleh kedua-dua mesin ditunjukkan dalam jadual 3.

Tahun	Mesin Astana (RM)	Mesin Guava (RM)
0	(300,000)	(230,000)
1	78,000	100,000
2	78,000	90,000
3	78,000	60,000
4	78,000	60,000

Jadual 3

a. Kirakan:

i. Tempoh bayar balik untuk setiap mesin. (4 markah)

ii. Nilai kini bersih untuk setiap mesin. (7 markah)

iii. Kadar pulangan dalaman (*IRR*) untuk mesin Astana. (5 markah)

iv. Apakah maksud "projek yang saling menyingkir"? (2 markah)

b. Berdasarkan jawapan diperoleh untuk (i) dan (ii) di atas, mesin manakah yang wajar dipilih oleh pihak pengurusan syarikat? Mengapa?

(2 markah)

[80 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

Present Value and Future Value Tables

Table A-3 Present Value Interest Factors for One Dollar Discounted at k Percent for n Periods: $PVIF_{k,n} = 1 / (1 + k)^n$

Period	1%	2%	3%	4%	5%	6%	7%	8%	9%	10%	11%	12%	13%	14%	15%	16%	20%	24%	25%	30%
1	0.9901	0.9804	0.9709	0.9615	0.9524	0.9434	0.9346	0.9259	0.9174	0.9091	0.9009	0.8929	0.8850	0.8772	0.8696	0.8621	0.8333	0.8065	0.8000	0.7692
2	0.9803	0.9612	0.9426	0.9246	0.9070	0.8900	0.8734	0.8573	0.8417	0.8264	0.8116	0.7972	0.7831	0.7695	0.7561	0.7432	0.6944	0.6504	0.6400	0.5917
3	0.9706	0.9423	0.9151	0.8890	0.8638	0.8396	0.8163	0.7938	0.7722	0.7513	0.7312	0.7118	0.6931	0.6750	0.6575	0.6407	0.5787	0.5245	0.5120	0.4552
4	0.9610	0.9238	0.8885	0.8548	0.8227	0.7921	0.7629	0.7350	0.7084	0.6830	0.6587	0.6355	0.6133	0.5921	0.5718	0.5523	0.4823	0.4230	0.4096	0.3501
5	0.9515	0.9057	0.8626	0.8219	0.7835	0.7473	0.7130	0.6806	0.6499	0.6209	0.5935	0.5674	0.5428	0.5194	0.4972	0.4761	0.4019	0.3411	0.3277	0.2693
6	0.9420	0.8880	0.8375	0.7903	0.7462	0.7050	0.6663	0.6302	0.5963	0.5645	0.5346	0.5066	0.4803	0.4556	0.4323	0.4104	0.3349	0.2751	0.2621	0.2072
7	0.9327	0.8706	0.8131	0.7599	0.7107	0.6651	0.6227	0.5835	0.5470	0.5132	0.4817	0.4523	0.4251	0.3996	0.3759	0.3538	0.2791	0.2218	0.2097	0.1594
8	0.9235	0.8535	0.7894	0.7307	0.6768	0.6274	0.5820	0.5403	0.5019	0.4665	0.4339	0.4039	0.3762	0.3506	0.3269	0.3050	0.2326	0.1789	0.1678	0.1226
9	0.9143	0.8368	0.7664	0.7026	0.6446	0.5919	0.5439	0.5002	0.4604	0.4241	0.3909	0.3606	0.3329	0.3075	0.2843	0.2630	0.1938	0.1443	0.1342	0.0943
10	0.9053	0.8203	0.7441	0.6756	0.6139	0.5584	0.5083	0.4632	0.4224	0.3855	0.3522	0.3220	0.2946	0.2697	0.2472	0.2267	0.1615	0.1164	0.1074	0.0725
11	0.8963	0.8043	0.7224	0.6496	0.5847	0.5268	0.4751	0.4289	0.3875	0.3505	0.3173	0.2875	0.2607	0.2366	0.2149	0.1954	0.1346	0.0938	0.0859	0.0558
12	0.8874	0.7885	0.7014	0.6246	0.5568	0.4970	0.4440	0.3971	0.3555	0.3186	0.2858	0.2567	0.2307	0.2076	0.1869	0.1685	0.1122	0.0757	0.0687	0.0429
13	0.8787	0.7730	0.6810	0.6006	0.5303	0.4688	0.4150	0.3677	0.3262	0.2897	0.2575	0.2292	0.2042	0.1821	0.1625	0.1452	0.0935	0.0610	0.0550	0.0330
14	0.8700	0.7579	0.6611	0.5775	0.5051	0.4423	0.3878	0.3405	0.2992	0.2633	0.2320	0.2046	0.1807	0.1597	0.1413	0.1252	0.0779	0.0492	0.0440	0.0254
15	0.8613	0.7430	0.6419	0.5553	0.4810	0.4173	0.3624	0.3152	0.2745	0.2394	0.2090	0.1827	0.1599	0.1401	0.1229	0.1079	0.0649	0.0397	0.0352	0.0195
16	0.8528	0.7284	0.6232	0.5339	0.4581	0.3936	0.3387	0.2919	0.2519	0.2176	0.1883	0.1631	0.1415	0.1229	0.1069	0.0930	0.0541	0.0320	0.0281	0.0150
17	0.8444	0.7142	0.6050	0.5134	0.4363	0.3714	0.3166	0.2703	0.2311	0.1978	0.1696	0.1456	0.1252	0.1078	0.0929	0.0802	0.0451	0.0258	0.0225	0.0116
18	0.8360	0.7002	0.5874	0.4936	0.4155	0.3503	0.2959	0.2502	0.2120	0.1799	0.1528	0.1300	0.1108	0.0946	0.0808	0.0691	0.0376	0.0208	0.0180	0.0089
19	0.8277	0.6864	0.5703	0.4746	0.3957	0.3305	0.2765	0.2317	0.1945	0.1635	0.1377	0.1161	0.0981	0.0829	0.0703	0.0596	0.0313	0.0168	0.0144	0.0068
20	0.8195	0.6730	0.5537	0.4564	0.3769	0.3118	0.2584	0.2145	0.1784	0.1486	0.1240	0.1037	0.0868	0.0728	0.0611	0.0514	0.0261	0.0135	0.0115	0.0053
21	0.8114	0.6598	0.5375	0.4388	0.3589	0.2942	0.2415	0.1987	0.1637	0.1351	0.1117	0.0926	0.0768	0.0638	0.0531	0.0443	0.0217	0.0109	0.0092	0.0040
22	0.8034	0.6468	0.5219	0.4220	0.3418	0.2775	0.2257	0.1839	0.1502	0.1228	0.1007	0.0826	0.0680	0.0560	0.0462	0.0382	0.0181	0.0088	0.0074	0.0031
23	0.7954	0.6342	0.5067	0.4057	0.3256	0.2618	0.2109	0.1703	0.1378	0.1117	0.0907	0.0738	0.0601	0.0491	0.0402	0.0329	0.0151	0.0071	0.0059	0.0024
24	0.7876	0.6217	0.4919	0.3901	0.3101	0.2470	0.1971	0.1577	0.1264	0.1015	0.0817	0.0659	0.0532	0.0431	0.0349	0.0284	0.0126	0.0057	0.0047	0.0018
25	0.7798	0.6095	0.4776	0.3751	0.2953	0.2330	0.1842	0.1460	0.1160	0.0923	0.0736	0.0588	0.0471	0.0378	0.0304	0.0245	0.0105	0.0046	0.0038	0.0014
30	0.7419	0.5521	0.4120	0.3083	0.2314	0.1741	0.1314	0.0994	0.0754	0.0573	0.0437	0.0334	0.0256	0.0196	0.0151	0.0116	0.0042	0.0016	0.0012	*
35	0.7059	0.5000	0.3554	0.2534	0.1813	0.1301	0.0937	0.0676	0.0490	0.0356	0.0259	0.0189	0.0139	0.0102	0.0075	0.0055	0.0017	0.0005	*	*
36	0.6989	0.4902	0.3450	0.2437	0.1727	0.1227	0.0875	0.0626	0.0449	0.0323	0.0234	0.0169	0.0123	0.0089	0.0065	0.0048	0.0014	*	*	*
40	0.6717	0.4529	0.3066	0.2063	0.1420	0.0972	0.0668	0.0460	0.0318	0.0221	0.0154	0.0107	0.0075	0.0053	0.0037	0.0026	0.0007	*	*	*
50	0.6080	0.3715	0.2281	0.1407	0.0872	0.0543	0.0339	0.0213	0.0134	0.0085	0.0054	0.0035	0.0022	0.0014	0.0009	0.0006	*	*	*	*

Table A-4 Present Value Interest Factors for a One-Dollar Annuity Discounted at k Percent for n Periods: $PVIFA = [1 - 1/(1 + k)^n] / k$

Period	1%	2%	3%	4%	5%	6%	7%	8%	9%	10%	11%	12%	13%	14%	15%	16%	20%	24%	25%	30%
1	0.9901	0.9804	0.9709	0.9615	0.9524	0.9434	0.9346	0.9259	0.9174	0.9091	0.9009	0.8929	0.8850	0.8772	0.8696	0.8621	0.8333	0.8065	0.8000	0.7692
2	1.9704	1.9416	1.9135	1.8861	1.8594	1.8334	1.8080	1.7833	1.7591	1.7355	1.7125	1.6901	1.6681	1.6467	1.6257	1.6052	1.5278	1.4568	1.4400	1.3699
3	2.9410	2.8839	2.8286	2.7751	2.7232	2.6730	2.6243	2.5771	2.5313	2.4869	2.4437	2.4018	2.3612	2.3216	2.2832	2.2459	2.1065	1.9813	1.9520	1.8161
4	3.9020	3.8077	3.7171	3.6299	3.5460	3.4651	3.3872	3.3121	3.2397	3.1699	3.1024	3.0373	2.9745	2.9137	2.8550	2.7982	2.5887	2.4043	2.3616	2.1662
5	4.8534	4.7135	4.5797	4.4518	4.3295	4.2124	4.1002	3.9927	3.8897	3.7908	3.6959	3.6048	3.5172	3.4331	3.3522	3.2743	2.9906	2.7454	2.6893	2.4356
6	5.7955	5.6014	5.4172	5.2421	5.0757	4.9173	4.7665	4.6229	4.4859	4.3553	4.2305	4.1114	3.9975	3.8887	3.7845	3.6847	3.3255	3.0205	2.9514	2.6427
7	6.7282	6.4720	6.2303	6.0021	5.7864	5.5824	5.3893	5.2064	5.0330	4.8684	4.7122	4.5638	4.4226	4.2883	4.1604	4.0386	3.6046	3.2423	3.1611	2.8021
8	7.6517	7.3255	7.0197	6.7327	6.4632	6.2098	5.9713	5.7466	5.5348	5.3349	5.1461	4.9676	4.7988	4.6389	4.4873	4.3436	3.8372	3.4212	3.3289	2.9247
9	8.5660	8.1622	7.7861	7.4353	7.1078	6.8017	6.5152	6.2469	5.9952	5.7590	5.5370	5.3282	5.1317	4.9464	4.7716	4.6065	4.0310	3.5655	3.4631	3.0190
10	9.4713	8.9826	8.5302	8.1109	7.7217	7.3601	7.0236	6.7101	6.4177	6.1446	5.8992	5.6502	5.4262	5.2161	5.0188	4.8332	4.1925	3.6819	3.5705	3.0915
11	10.3668	9.7868	9.2526	8.7605	8.3064	7.8869	7.4987	7.1390	6.8052	6.4951	6.2065	5.9377	5.6869	5.4527	5.2337	5.0286	4.3271	3.7757	3.6564	3.1473
12	11.2550	10.5759	9.9540	9.3851	8.8633	8.3838	7.9427	7.5361	7.1607	6.8137	6.4924	6.1944	5.9176	5.6603	5.4206	5.1971	4.4392	3.8514	3.7251	3.1903
13	12.1344	11.3480	10.6355	9.9856	9.3936	8.8527	8.3577	7.9038	7.4869	7.1034	6.7499	6.4235	6.1218	5.8424	5.5831	5.3423	4.5327	3.9124	3.7801	3.2233
14	13.0004	12.1066	11.2966	10.5633	9.8986	9.2950	8.7455	8.2442	7.7862	7.3667	6.9819	6.6282	6.3025	6.0021	5.7245	5.4675	4.6106	3.9616	3.8241	3.2487
15	13.8655	12.8499	11.9338	11.1188	10.3880	9.7122	9.1079	8.5595	8.0607	7.6081	7.1909	6.8109	6.4624	6.1422	5.8474	5.5755	4.6755	4.0013	3.8593	3.2682
16	14.7188	13.5788	12.5611	11.6522	10.8338	10.1066	9.4466	8.8514	8.3126	7.8237	7.3792	6.9740	6.6039	6.2651	5.9542	5.6685	4.7296	4.0333	3.8874	3.2832
17	15.5622	14.2922	13.1666	12.1666	11.2744	10.4777	9.7632	9.1216	8.5436	8.0216	7.5488	7.1196	6.7291	6.3729	6.0472	5.7487	4.7746	4.0591	3.9099	3.2948
18	16.3988	14.9922	13.7544	12.6599	11.6990	10.8228	10.0599	9.3719	8.7556	8.2014	7.7016	7.2497	6.8399	6.4674	6.1280	5.8178	4.8122	4.0799	3.9279	3.3037
19	17.2226	15.6778	14.3244	13.1344	12.0855	11.1588	10.3336	9.6036	8.9501	8.3649	7.8393	7.3658	6.9380	6.5504	6.1982	5.8775	4.8435	4.0967	3.9424	3.3105
20	18.0466	16.3511	14.8777	13.5990	12.4622	11.4700	10.5944	9.8181	9.1285	8.5136	7.9633	7.4694	7.0248	6.6231	6.2593	5.9288	4.8696	4.1103	3.9539	3.3158
21	18.8577	17.0111	15.4155	14.0288	12.8211	11.7644	10.8336	10.0177	9.2922	8.6487	8.0751	7.5620	7.1016	6.6870	6.3125	5.9				

FORMULA

$$\text{nisbah semasa} = \frac{\text{aset semasa}}{\text{liabiliti semasa}}$$

$$\text{nisbah cepat} = \frac{\text{aset semasa} - \text{inventori} - \text{belanja terdahulu}}{\text{liabiliti semasa}}$$

$$\text{pusingganti inventori} = \frac{\text{jualan bersih}}{\text{inventori}}$$

$$\text{margin untung bersih} = \frac{\text{untung selepas cukai}}{\text{jualan bersih}} \times 100$$

$$\text{nisbah hutang} = \frac{\text{jumlah hutang}}{\text{jumlah aset}} \times 100$$

$$\text{tempoh purata kutipan} = \frac{\text{akaun belum terima}}{\text{jualan bersih}} \times 100$$

$$\text{pulangan atas aset} = \frac{\text{untung selepas cukai}}{\text{jumlah aset}} \times 100$$

$$\text{pulangan atas ekuiti biasa} = \frac{\text{untung selepas cukai}}{\text{ekuiti biasa}} \times 100$$

$$\text{perlindungan faedah} = \frac{\text{untung selepas faedah dan cukai}}{\text{faedah}}$$

$$TBB = (TP - 1) + \left[\left(\frac{KP - JTKSB}{ATTP} \right) \right]$$

Atau

$$TBB = \frac{KP}{A}$$

$$NPV = \sum NPV - KP$$

Atau

$$NPV = A (PVIFA i, n) - KP$$

$$IRR = KR + \left(\frac{a - z}{a - b} \right) \times (KT - KR)$$

$$EOQ = \sqrt{\frac{2DO}{C}}$$

$$ROP = \left(\frac{D}{360} \times \text{Tempoh pesanan} \right) + SS$$

$$FO = \frac{360}{(D/EOQ)}$$

$$\text{purata inventori} = \left(\frac{EOQ}{2}\right) + SS$$

$$TIC = \left[C \left(\frac{EOQ}{2} + SS \right) \right] + \left[O \left(\frac{D}{EOQ} \right) \right]$$

$$K_{ee} = \left[\frac{D1}{(H0 - KA)} \right] + g$$

$$K_{sk} = \frac{D}{(H0 - KA)}$$

$$K_{bsc} = \frac{\left(\left(\frac{B}{M} \right) + \frac{(NP - H0 - KA)}{n \times m} \right)}{\frac{NP + (H0 - KA)}{2}} \times 100$$

$$AOC = \frac{a}{100 - a} \times \frac{360}{c - b}$$

Kadar bunga efektif (*effective interest rates*) :

$$EIR = \frac{\text{Faedah}}{\text{amaun diterima}} \times \frac{12}{\text{tempoh pinjaman}}$$

Kos efektif barisan kredit (*line of credit agreement*) :

$$EIR = \frac{\text{Faedah} + \text{Fi komitmen}}{\text{Jumlah pinjaman} - \text{baki pampasan}} \times \frac{12}{\text{tempoh pinjaman}}$$

Kos efektif kertas perdagangan (*commercial paper*):

$$EIR = \frac{\text{Faedah} + \text{Kos apungan}}{\text{nilai muka} - \text{bunga} - \text{kos}} \times \frac{12}{\text{tempoh pinjaman}}$$

